

BAB 4

Dapatan Kajian

Bab ini mengemukakan dapatan analisis penggunaan SBBM oleh empat orang peserta kajian ini, iaitu guru-guru pelatih di MPTR. Mereka ialah P1, P2, P3, dan P4. Pembentangan laporan dapatan kajian dibuat dalam bentuk deskriptif. Secara khusus, pembentangan ini akan menjawab soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan seperti yang berikut :

- (i) Apakah bentuk-bentuk kesilapan penyebutan SBBM yang sering dilakukan oleh guru-guru pelatih dalam penggunaan BM mereka?

Bentuk Kesilapan Penyebutan SBBM

Pembentangan ini dibuat berdasarkan dapatan yang didasari kepada hasil pertuturan peserta kajian yang menggunakan pelbagai bahan dan aktiviti kebahasaan dalam kelas. Aktiviti-aktiviti tersebut berupa sama ada yang telah dirancang oleh pensyarah mereka atau yang mereka wujudkan secara spontan tetapi dikawal oleh situasi atau pensyarah.

Aspek Fonologi BM Jati

Semua peserta kajian, sedia maklum tentang wujudnya BMB sejak daripada bangku sekolah rendah lagi dan sehingga kini sudah sepuluh tahun berlalu penggunaan SBBM dilaksanakan di sektor pendidikan. Ketika penggunaan SBBM dilancarkan oleh Menteri Pelajaran pada tahun 1988 (Awang Sariyan, 1995), peserta kajian ini telahpun bersekolah di peringkat sekolah rendah. Ini bermakna mereka telahpun didedahkan

dengan penggunaan SBBM dan sehingga sekarang perkara tersebut masih diteruskan. Mereka juga sedar bahawa SBBM menjadi penting dalam pemelajaran BM kerana melibatkan penilaian dalam peperiksaan khususnya peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Antara syarat untuk mendapat lulus dalam ujian lisan BM peringkat peperiksaan SPM, ialah pelajar dikehendaki bertutur dengan menggunakan sebutan baku dan intonasi yang baik. Sebutan yang diakui sebagai SBBM ialah sebutan yang didasarkan pada ejaan baku BM (Asraf, 1992).

Berdasarkan jangka masa yang telah ditempuhi oleh peserta kajian ini, mereka telah menggunakan SBBM menjangkau sepuluh tahun lamanya, namun dapatkan menunjukkan masih terdapat aspek sebutan BM yang digunakan oleh mereka yang tidak mematuhi peraturan SBBM. Melalui beberapa pemerhatian dan rakaman suara yang dilakukan dalam masa kajian dijalankan bagi aktiviti yang melibatkan aktiviti-aktiviti lisan, pengkaji mendapati peserta kajian telah menggunakan SBBM tetapi penggunaan tersebut tidak tekal.

Kajian menunjukkan peserta kajian telah menggunakan SBBM pada peringkat awal aktiviti lisan untuk beberapa perkataan, ayat atau perenggan ayat. Kemudian, secara beransur-ansur mereka mula meninggalkan SBBM dan bertutur menggunakan sebutan yang mengabaikan SBBM. Perubahan ini didapati berlaku secara tidak disedari atau tidak sengaja oleh penutur itu sendiri. Keadaan ini jelas kelihatan apabila pensyarah yang mengajar sering membuat teguran supaya mereka menggunakan SBBM. Bila teguran dibuat, mereka tersedar akan kesilapan yang dilakukan dan dengan segera membetulkan atau kembali menggunakan SBBM. Tetapi berdasarkan

pemerhatian, ada kes-kes yang menunjukkan kesedaran itu tidak dapat bertahan lama. Setelah lama bertutur, peserta kajian akan kembali terpesong daripada menggunakan SBBM. Beberapa kali pengkaji dapati apabila Puan EN iaitu pensyarah BM mereka tidak membuat teguran-teguran lanjut, mereka akan terus menggunakan sebutan yang tidak baku sehingga mereka sendiri tersedar atau diperingatkan oleh kawan-kawan akan kesilapan tersebut.

Salah satu bunyi yang paling ketara menjadi masalah dalam penggunaan SBBM ialah penyebutan suku kata akhir perkataan BM yang berakhir dengan fonem /a/ yang sepatutnya disebut dengan bunyi [a] tetapi akan disebut sebagai bunyi [ə]. Bunyi vokal [a] menjadi salah satu ciri sebutan baku yang paling nyata. Hal ini demikian kerana bunyi vokal [a] di hujung kata bervariasi dengan beberapa bunyi lain dalam periggunaan bahasa menurut dialek tertentu (Awang Sariyan, 1995). Berdasarkan apa yang dituturkan oleh peserta kajian ini, memperlihatkan persamaan dengan pendapat Awang Sariyan (1995). Bunyi vokal [a] di hujung suku kata akhir sesuatu perkataan diucapkan sebagai bunyi [ə] seperti sebutan dialek Riau-Johor yang selama ini digunakan secara meluas dan dianggap seolah-olah sebutan yang baku (Awang Sariyan, 1995). Dapatkan menunjukkan masalah ini dilakukan oleh semua peserta kajian.

Contoh beberapa perkataan-perkataan yang sepatutnya suku kata akhir terbuka disebut sebagai bunyi [a] tetapi disebut sebagai bunyi [ə] adalah seperti yang berikut :

Sebutan yang dilafazkan

[sayə]
[rupə]

Sebutan yang sepatutnya

[saya]
[rupa]

[jugə]	[juga]
[kəranə]	[kərana]
[bahawə]	[bahawa]
[jiwə]	[jiwa]
[diyə]	[diyə]
[cumə]	[cuma]
[padə]	[pada]
[parə]	[para]

Namun demikian, peserta kajian kajian dapat mengawal sebutan bagi beberapa perkataan BM dan kata serapan yang mesti dilafazkan bunyi [a] pada akhir suku kata atau akhir kata sebagai bunyi [a] berdasarkan ejaan. Mereka dapat menyebut bunyi perkataan [2asrama], [nada], [frasa], [klausa], dan [2arena] dengan betul.

Selain masalah penyebutan bunyi vokal [a] sebagai masalah yang paling ketara, peserta kajian didapati juga melafazkan bunyi-bunyi vokal lain dengan tidak mematuhi dasar sistem keselarasan vokal Ejaan Rumi Baru BM yang telah ditetapkan. Berdasarkan panduan sebutan yang ada, huruf /u/ hendaklah anda sebut dengan bunyi [u], biar di mana pun kedudukannya (Asraf 1992; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Menurut Awang Sariyan (1995) vokal /u/ yang melambangkan bunyi [u] tidak harus diucapkan [o]. Jadi kata seperti /duduk/ hendaklah diucapkan [dudu2]. Daripada contoh-contoh pertuturan yang dikaji, dapatkan menunjukkan peserta kajian menyebut bunyi [u] pada suku kata akhir tertutup dengan bunyi [o]. Contoh perkataan :

Sebutan yang dilafazkan

[muncol]
[2untu2]
[ja^oh]
[sungoh]
[jatoh]

Sebutan yang sepatutnya

[muncul]
[2untu2]
[ja^uh]
[sunguh]
[jatuh]

[səpuloh]	[səpuluh]
[mənəgo.]	[mənəgur]
[bəsukə]	[bərsukur]
[bəlunso]	[berlunsur]

Berdasarkan Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988) bunyi [i] hendaklah dilafazkan dengan bunyi [i] pada semua kedudukan. Kajian mendapati sebutan peserta kajian menyimpang daripada aturan tersebut. Mereka mengubah sebutan bunyi [i] pada suku kata akhir tertutup kepada bunyi [e]. Contoh :

<u>Sebutan yang dilafazkan</u>	<u>Sebutan yang sepatutnya</u>
[pəmīlehan]	[pəmilihan]
[bərundəŋ]	[bərundin]
[pəpərekṣaʔan]	[pəpərikṣaʔan]
[jənes]	[jənis]
[kətagehan]	[kətagihan]
[tampen] -- nama tempat	[tampin]
[ceʔgu]	[ciʔgu]
[sinderan]	[sindiran]
[naeʔ]	[naiʔ]
[sehat]	[sihat]

Selain itu, terdapat peserta kajian yang meggugurkan bunyi [i] yang menubuhkan bunyi suku kata pertama. Subjek tersebut beberapa kali memendekkan penyebutan perkataan [ʔini] menjadi [ni] sahaja. Cara penyebutan begini mirip kepada cara penyebutan lisan yang tidak formal walaupun peserta kajian berkenaan sedang berada dalam situasi formal ketika menerangkan sesuatu kepada kawan-kawan di dalam kelas. Antara katanya :

"Ketiga, ayat perasaan. Ayat ni menggambarkan perasaan yang sedang dialami oleh seseorang. Ayat perasaan ni boleh dibahagikan kepada . . .

ciri pertama ayat perasaan ni . . ."

Subjek tidak pula menggugurkan bunyi [i] yang menubuhkan suku kata pertama bagi perkataan 'itu'. Subjek menyebut bunyi [i] untuk semua perkataan 'itu'. Dalam penerangan tentang ayat, beliau menyebut :

" . . . nada atau intonasi ayat itu bernada atau tekanan . . . "

Membunyikan fonem konsonan /r/ iaitu bunyi getaran gusi yang wujud pada akhir suku kata juga menjadi satu masalah yang jelas bagi peserta kajian. Menurut Awang Sariyan (1995), selaras dengan prinsip fonemik, iaitu sebutan berdasarkan ejaan, maka kewujudan bunyi getaran gusi pada akhir kata yang telah sedia ada dalam BM perlu dipertahankan. Asraf (1992) pula menegaskan :

"Huruf /r/ pula hendaklah anda sebut dengan bunyi [r] pada awal suku kata, dan tidak boleh dilenyapkan pada akhir suku kata. Contohnya, besar, bibir, butir . . . bukan besa, bibe, bute . . ." (hal. 277)

Berdasarkan kajian, ini dapatkan menunjukkan bahawa peserta kajian tidak mampu memenuhi kehendak prinsip fonemik seperti yang dinyatakan oleh Awang (1995). Peserta kajian telah melenyapkan bunyi getaran gusi tersebut pada hampir semua perkataan yang mengandungi bunyi tersebut pada akhir suku kata. Hal ini demikian menurut Awang Sariyan (1995) adalah kerana anggapan bahawa bunyi tersebut tidak wujud pada akhir kata semata-mata berdasarkan pada kebiasaan yang berlaku dalam salah satu dialek BM, iaitu dialek Riau-Johor. Antara contoh-contoh perkataan yang dikutip daripada peserta kajian yang melenyapkan bunyi [r] pada hujung suku kata ialah :

Sebutan yang dilafazkan

[bəwənə wanɪ]
 [bətəŋka]
 [2axeŋə]
 [səda]
 [səbəna]
 [pəgi]
 [məŋgambakan]
 [təkejot]
 [təsərəmpaʔ]
 [bəjumpə]
 [bəbu^wal]
 [bənamə]
 [pəcayə]
 [bəpotensi]
 [bəcita citə]
 [intənet]

Sebutan yang sepatutnya

[bərwarna warni]
 [bərtəŋkar]
 [2axirŋə]
 [sədar]
 [səbənar]
 [pərgi]
 [məŋgambarkan]
 [tərkejut]
 [tərsərəmpaʔ]
 [bərjumpa]
 [bərbu^w al]
 [bərnama]
 [pərcaya]
 [bərpotensi]
 [bərcita cita]
 [intənet]

Aspek Fonologi Kata Serapan

Ketika kajian dijalankan, peserta kajian juga telah menggunakan perkataan-perkataan daripada kata serapan walaupun tidak begitu banyak. Yang paling kerap digunakan ialah kata serapan daripada BI. Juga terdapat kata-kata serapan daripada bahasa Arab dan Cina digunakan oleh peserta kajian.

Bagi kata-kata serapan atau pinjaman daripada BI, berdasar panduan yang ada, kata serapan atau pinjaman itu hendaklah dieja dengan mengekalkan bentuk visual ejaan huruf vokal asal bahasa tersebut, misalnya ras, kontraktor, unit, atom, ekonomi, industri, dan struktur. Begitu juga dengan huruf konsonan seperti /g/ dalam kata /agensi/. Hal ini demikian kerana untuk menjadikan kata-kata serapan daripada BI menjadi sama atau hampir sama dengan rupa atau bentuk ejaan antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Dapatan menunjukkan semua peserta kajian didapati masih tidak mampu mematuhi sistem yang telah menetapkan supaya kata serapan daripada BI dilafazkan mengikut ejaan Rumi BM supaya bunyinya seragam atau selaras dengan bunyi huruf-huruf yang terdapat dalam kata Melayu jati iaitu huruf vokal hendaklah dilafazkan seperti huruf vokal dalam kata-kata BM jati (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Berikut diperturunkan perkataan-perkataan yang mengandungi kesilapan yang dapat dikesan dilakukan oleh peserta kajian :

Menukar bunyi vokal [ə] kepada bunyi-bunyi [ə], dan [e]. Contoh :

Sebutan yang dilafazkan

- [negətif]
- [predikət]
- [prediket]
- [penəl]
- [Tekauntən]
- [kritikəl]
- [Timpəretif]
- [cahaya lesə]
- [kensə]
- [Teltənetif]
- [popilə]
- [Telbəm]

Sebutan yang sepatutnya

- [negatif]
- [predikat]
- [predikat]
- [panel]
- [Takauntan]
- [kritikal]
- [Timpəratif]
- [cahaya lasər]
- [kansər]
- [Taltəratif]
- [popular]
- [Talbūm]

Menukar bunyi vokal [o] kepada bunyi vokal [ə]. Contoh :

Sebutan yang dilafazkan

- [doktə]
- [cliffed]
- [profesən]
- [profesə]

Sebutan yang sepatutnya

- [doktor]
- [clifford]
- [profesi'yon]
- [profesor]

Menukar bunyi vokal [u] kepada bunyi separuh vokal [y]. Contoh :

Sebutan yang dilafazkan

[yunit]
[yunivəsiti]

Sebutan yang sepatutnya

[2unit]
[2univərsiti]

Menukar bunyi vokal [u] kepada bunyi vokal [a], [ə], dan deretan vokal [iu]. Contoh :

Sebutan yang dilafazkan

[sabjek]
[mi'uzik]
[ti'umə]
[2institi'ut]
[kompi'utə]
[2elbəm]

Sebutan yang sepatutnya

[subjek]
[muzik]
[tumor]
[2institut]
[komputər]
[2album]

Menukar bunyi konsonan [g] kepada bunyi konsonan [j]. Contoh :

Sebutan yang dilafazkan

[teknoloji]
[jənərasi]
[2ajensi]

Sebutan yang sebenar

[teknologi]
[gənərasi]
[2agensi]

Menukar bunyi vokal [e] kepada bunyi vokal [ə], [a], dan [i]. Contoh :

Sebutan yang dilafazkan

[penəl]
[teliviʃən]
[talifon]

Sebutan yang sepatutnya

[panel]
[televiʃən]
[telefon]

Melenyapkan bunyi konsonan [r]. Contoh :

Sebutan yang dilafazkan

[popilə]
[lesə]
[kensə]
[profesə]
[ti'umə]
[doktə]
[2eltənetif]

Sebutan yang sepatutnya

[popular]
[lasər]
[kansər]
[profesor]
[tumor]
[doktor]
[2alərnətif]

[yunivəsiti]
 [mastə]
 [2intənet]

[2univərsiti]
 [master]
 [2intərnet]

Peserta kajian juga telah menggunakan beberapa kata serapan daripada bahasa Arab yang berupa istilah agama Islam. Penyebutan bagi istilah agama Islam, hendaklah dilafazkan dengan bunyi asal seperti dalam bahasa sumber untuk mempertahankan maknanya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988; Awang Sariyan, 1995). Dapatan kajian pula menunjukkan peserta berkenaan tidak melafazkan sebutan seperti yang diperlukan ketika menyebut istilah agama Islam. Mereka menyatakan sebutan dengan menggunakan sebutan BM tidak baku. Contoh :

Sebutan yang dilafazkan

[kasidah]
 [2al kor2an]
 [salamūalaikum]
 [2asamuakum]
 [walaikumsalam]

Sebutan yang sepatutnya

[qasidah]
 [2al qur2an]
 [2assalamūalaikum]
 [2assalamūalaikum]
 [wa2alaikumsalam]

Dalam kajian ini, dapat dikesan satu penggunaan kata serapan daripada bahasa Cina iaitu perkataan "tauge". Menurut Kamus Dewan (1989) **tauge** ialah sejenis sayur daripada kecambah kacang hijau. Ketika menerangkan tentang binaan ayat, seorang peserta kajian iaitu P2 telah telah melafazkan contoh sebuah ayat yang berbunyi :

"Aku sumpah kaujadi toge."

P2 tidak menyebut bunyi diftong [au] bagi suku kata [tau], sebaliknya menggantikannya dengan bunyi vokal [o] hingga membentuk suku kata [to] yang mewujudkan perkataan [toge]. Sepatutnya perkataan itu hendaklah disebut sebagai [tauge]. Jelas di sini bahawa peserta kajian yang berkenaan tidak mematuhi sebutan

baku bagi diftong atau geluncuran /au/ yang hendaklah dilafazkan dengan bunyi [au] pada semua kedudukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Penyebutan Kata Nama Khas

Peserta kajian juga telah menggunakan beberapa kata nama khas ketika bertutur. Daripada apa yang dituturkan, jelas menunjukkan mereka tidak menyebut kata-kata nama khas tersebut berdasarkan cara sebutan yang sepatutnya iaitu sebutan fonemik. Setakat ini belum ada penetapan secara tegas dan tekal tentang penyebutan nama khas. Wajarnya SBBM memang patut merangkumi kata nama khas juga jika sebutan fonemik dijadikan prinsip penyebutan sesuatu kata (Redan Ginoh, 1992). Oleh sebab tiadanya ketetapan yang boleh menjadi panduan, peserta kajian telah melafazkan sebutan kata-kata nama seperti yang berikut :

[?evon]	bagi	[?avon]
[cliffəd]	"	[clifford]
[singapo]	"	[singapura]
[məle'si'a]	"	[malasi'a], [mala'y si'ya]
[salin]	"	[šalin] - pemain boling negara

Suatu keadaan yang menarik perhatian pengkaji tentang masalah penggunaan SBBM ketika kajian ini dijalankan ialah masalah penggunaan SBBM hanya timbul atau wujud ketika peserta kajian melakukan aktiviti lisan yang menggunakan bahan-bahan berbentuk prosa seperti dalam aktiviti membentangkan hasil perbincangan, melakukan wawancara, dan memberi maklumat. Sebaliknya apabila mereka menjalankan aktiviti yang melibatkan bahan-bahan puisi seperti sajak, syair, nyanyian, dan pantun dapatkan menunjukkan bahawa mereka dapat menggunakan SBBM dengan betul seperti yang diharapkan. Ketika mereka berpuisi, sebutan menepati dasar SBBM seperti

yang diajukan oleh Asraf iaitu kata-kata dieja sebagaimana yang diucapkan dan diucapkan sebagaimana yang dieja, dan tidak ada huruf yang disenyapkan (Awang Sariyan, 1995).

Apabila ditanya mengapa mereka menuturkan bahan-bahan puisi sedemikian rupa, P1 menjawab, katanya :

"Sudah biasa. Kalau diucapkan dengan bunyi [ə] di hujung kata untuk bunyi [a], rasanya macam tidak sedap dan tak bermaya."

P4 pula menambah katanya :

"Semua lagu atau puisi yang dinyanyikan atau dideklamasikan biasanya menggunakan sebutan baku. Sebutan itu lebih tepat dan dapat memberikan semangat kepada pembacanya".

Aspek Morfologi

Daripada bahan-bahan yang telah terkumpul dan dikaji, pengkaji mendapati peserta kajian tidak menghadapi masalah dari aspek morfologi ketika mengucapkan pertuturan. Mereka dapat menuturkan bahan-bahan lisan mengikut kehendak sistem SBBM yang ada. Pada kebiasaannya, aspek morfologi yang menjadi masalah kepada pengguna BM ialah penyebutan perkataan yang terbentuk apabila sesuatu kata tunggal menerima imbuhan BM iaitu awalan, akhiran, apitan, dan sisipan. Awang Sariyan (1995) menyatakan bahawa kata yang berawalan, berakhiran, dan berapitan memerlukan perincian tentang kaedah mengucapkannya. Masalah ini wujud adalah disebabkan oleh kegagalan penutur menuturkan perkataan mengikut pemenggalan suku kata yang betul. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian tidak menghadapi masalah ketika menyebut kata-kata yang berimbuhan sama ada

perkataan BM jati mahupun perkataan-perkataan serapan atau pinjaman.

Diperturunkan beberapa contoh perkataan yang telah disebut mengikut pemenggalan suku kata yang betul dan menurut kaedah yang telah ditetapkan :

[mə+ wa + wan + ca + ra]	[kə+ pə + mim + pi + nan]
[pan + ca + gan]	[pə+ gə + cu + wa + li + ^y an]
[məg + ha + lal + kan]	[sə + ba + ran]
[mə + ga + ta + si]	[kə + su + ka + 2an]
[pər + sə + tu + ju + ^w an]	[mə + ga + gu + mi]
[pə + ga + ca + ra]	[mən + cam + pur + 2a + duk + kan]
 	[kə + ga + wa + tan]
[kə + wa + gan]	[pə + ja + lah + gu + na + 2an]
[pəm + ba + ha + gi + ^y an]	[mə + nər + ta + 2i]
[kə + cə + mər + la + gan]	[bər + ha + da + pan]
[di + tər + bit + kan]	[mə + ja + la + mi]
[pəŋ + iš + ti + ha + ran]	[pə + ru + ba + han]
[tə + ru + ta + ma]	[pə + la + ja + ran]
[pə + ra + sa + 2an]	

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan-dapatan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa peserta kajian masih menghadapi masalah melafazkan SBBM dalam aktiviti pertuturan atau bacaan mereka. Mereka masih tidak mampu untuk mematuhi prinsip SBBM yang berdasarkan sebutan fonemik sama ada bagi kata-kata daripada BM jati mahupun kata-kata pinjaman atau serapan daripada bahasa-bahasa lain. Hal ini ketara apabila mereka menjalankan aktiviti lisan yang menggunakan bahan prosa, tetapi apabila bahan-bahan puisi digunakan hal disebaliknya pula berlaku.

(ii) Bagaimakah sikap guru-guru pelatih terhadap pelaksanaan penggunaan SBBM di peringkat maktab?

Berdasarkan pemerhatian, rakaman, dan temu bual yang dilakukan oleh pengkaji dengan peserta kajian dan pensyarah BM mereka, dapatkan menunjukkan

bahawa peserta kajian menyedari akan kepentingan penggunaan SBBM dalam kelas khususnya ketika pemelajaran mata pelajaran BM. Dalam sukatan-sukatan pelajaran kursus perguruan dinyatakan dengan jelas bahawa salah satu matlamat pemelajaran BM ialah agar dapat melahirkan guru yang mempunyai keupayaan dan kecekapan berbahasa dalam BMB. Matlamat tersebut telah disampaikan oleh pensyarah untuk pengetahuan semua guru pelatih pada waktu kuliah pertama lagi. Bertitik tolak daripada matlamat tersebut pendedahan semua aspek BMB, iaitu ejaan, tatabahasa, peristilahan, dan sebutan telah diberikan penekanan dalam pemelajaran BM mereka.

Menurut Puan EN :

"Mereka boleh gunakan sebutan baku. SBBM tidak menjadi masalah kerana mereka sudah didedahkan sejak di sekolah rendah lagi. Mereka juga sedar dan bersedia menggunakan BMB. Jadi, dalam pengajaran pemelajaran BM, baku tetap baku. Cuma guru-guru ini kurang peka."

Maksud kurang peka bagi Puan EN ialah guru-guru pelatih tidak dapat menggunakan SBBM secara tekal. Mereka mampu menggunakan SBBM dengan baik apabila aktiviti mereka sentiasa dikawal, diperingat, atau ditegur supaya menggunakan SBBM. Sekiranya aktiviti lisan BM mereka dibiarkan bebas tanpa kawalan tentang penggunaan SBBM, biasanya secara perlahan-lahan sebutan mereka akan terkeluar daripada asas penyebutan yang berdasarkan prinsip fonemik walaupun pada permulaannya mereka berbuat demikian:

P3 memberi pendapatnya :

"BMB memang saya telah gunakan sejak sekolah rendah sampai menengah. Saya telah belajar dan saya berminat menggunakan SBBM

dalam semua aktiviti kerana SBBM merupakan satu bentuk yang diterima dan digunakan secara rasmi."

Peserta kajian berkenaan juga telah menegaskan bahawa SBBM bukan sahaja penting untuk mata pelajaran BM, malahan penting untuk semua keadaan khususnya dalam profesi perguruan.

P1 pula menyatakan bahawa dia sedar tentang keperluan penggunaan SBBM dalam pemelajaran BM. Pensyarah BM sering memberikan penekanan terhadap penggunaan SBBM dalam lisan. Dia juga menyatakan semua rakan sekelasnya boleh menggunakan SBBM ketika menghadapi mata pelajaran BM. Apabila ditanya apakah yang difahaminya tentang SBBM, jawapannya SBBM menekankan penggunaan bunyi [a] pada hujung kata yang menggunakan huruf /a/. Berdasarkan jawapan itu, diakui bahawa P1 berpengetahuan tentang SBBM walaupun sedikit. Yang penting untuk kajian ini ialah kesedarannya menggunakan SBBM.

Menyentuh tentang penggunaan SBBM dalam aktiviti puisi, P2 menyatakan daripada pengetahuannya, ketika penyampaian bahan puisi seperti sajak, nyanyian, syair, dan pantun, melafazkan kata-kata berdasarkan SBBM seperti sudah ditetapkan dan itulah sebutan yang diterima ramai. Sepanjang yang P1 tahu juga, tidak ada pula individu yang menyatakan puisi secara tidak baku. Baginya dengan menggunakan SBBM, mesej yang terkandung dalam bahan puisi tersebut dapat disampaikan dengan penuh tenaga.

Pengkaji cuba meminta komen peserta kajian tentang ada orang beranggapan SBBM menghilangkan identiti Malaysia dan terpengaruh oleh cara bahasa Indonesia.

Salah seorang peserta kajian iaitu P4 menafikan anggapan sedemikian. Katanya :

"Bagi saya SBBM tidak demikian. SBBM merupakan sebutan yang dinyatakan atau disebutkan berdasarkan ejaan yang baru. Maksud saya ejaan Rumi. Jadi, SBBM mudah digunakan semua kaum di Malaysia."

Rakannya iaitu P2 menyokong dengan menyatakan bahawa SBBM mengelakkan pengguna BM bertutur menggunakan dialek masing-masing. Oleh itu semua rakyat Malaysia sebenarnya menerima SBBM. Daripada pernyataan tersebut, pengkaji menyimpulkan bahawa peserta kajian menyokong penggunaan SBBM secara menyeluruh dan untuk semua orang.

Kesimpulan daripada pemerhatian, rakaman, dan temu bual, dapatan pengkaji menunjukkan semua guru pelatih ketara bersikap positif, mengambil berat tentang SBBM, dan telah mencuba menggunakan ketika melakukan aktiviti lisan. Hal ini demikian kerana mereka menunjukkan kesedaran tentang perlunya SBBM digunakan dalam aktiviti rasmi, yakni dalam masa pembelajaran BM. Hanya dalam proses menggunakan SBBM tersebut, penekanan kebanyakannya tertumpu kepada melafazkan bunyi [a] di hujung suku kata akhir dan kurang tumpuan terhadap bunyi-bunyi lain berdasarkan sebutan fonemik.

Dapat juga menunjukkan bahawa kepekaan mereka terhadap SBBM tidak berterusan serta tidak bertahan lama kerana tanpa mereka sedari, secara perlahan-lahan mereka mudah terpesong daripada SBBM kepada sebutan yang tidak baku. Ini menunjukan mereka sebenarnya belum berkemampuan menggunakan SBBM secara menyeluruh dan tekal berdasarkan sebutan fonemik.

- (iii) Apakah halangan-halangan yang menyebabkan wujudnya masalah menggunakan SBBM di kalangan guru pelatih?

Pengkaji mengajukan soalan kepada peserta kajian tentang bilakah lazimnya mereka menggunakan SBBM di MPTR. Keempat-empat peserta kajian telah memberikan jawapan yang sama iaitu mereka sependapat menyatakan penggunaan SBBM hanya ketika mereka menghadapi mata pelajaran BM. Mereka seterusnya menyatakan bahawa SBBM tidak digunakan bagi pengajaran mata-mata pelajaran lain. Mereka menggunakan BMB tetapi mengabaikan SBBM sebagai satu daripada komponen BMB. Oleh kerana penggunaan SBBM hanya kepada satu mata pelajaran sahaja, peluang untuk mereka menggunakan SBBM sangat terhad atau tidak meluas. Mereka kurang berpeluang untuk memahirkan penggunaan SBBM dalam konteks yang lain selain daripada konteks pemelajaran BM. Hal yang demikian, situasi begini telah menghalang kecekapan mereka menggunakan SBBM.

Begitu juga ketika menjalankan aktiviti luar kelas seperti gerak kerja kokurikulum (GERKO). Ketika mereka menjalankan aktiviti GERKO, media BM menjadi media utama kecuali bagi GERKO persatuan-persatuan bahasa dan yang bercorak keagamaan selain Persatuan BM dan Persatuan Agama Islam. Walaupun urusan dan aktiviti GERKO seperti mesyuarat, taklimat, ceramah dan kursus, merupakan urusan rasmi dan berlangsung dalam media BM, namun penggunaan SBBM tidak mendapat tempat teratas di kalangan guru pelatih dan pensyarah yang mengendalikannya. Malahan berdasarkan pemerhatian pengkaji, mereka kerap kali menggunakan anjakan kod (code-switching) iaitu campuran BM dan BI dalam aktiviti GERKO. Hanya dalam Persatuan BM dapat ditemukan penggunaan SBBM kerana

antara matlamat persatuan tersebut ialah penggunaan BM baku dalam segala pengurusan dan aktiviti persatuan.

Menyentuh tentang penggunaan SBBM, P2 memberikan pandangannya sebab SBBM sukar untuk dipraktikkan dan peluang menggunakannya sangat terhad.

Katanya :

"Kami tiada peluang hendak menggunakan secara menyeluruh. Untuk menjadi hos di Dewan pun susah."

P2 menyedari bahawa sebagai sebuah institusi keguruan, MPTR sentiasa mengutamakan penggunaan BM yang tepat dan betul dalam segala aktiviti rasminya. Salah satu aktiviti rutin yang mengutamakan sebutan yang betul ialah aktiviti perhimpunan sama ada perhimpunan bulanan atau perhimpunan khas. Telah menjadi agenda tetap perhimpunan bahawa pengacara majlis hendaklah mampu menggunakan BMB. Oleh itu pengacara akan dilantik secara teliti oleh jawatankuasa perhimpunan supaya boleh mengendalikan acara dengan baik dan teratur. Inilah salah satu peluang guru pelatih untuk menunjukkan kebolehan menggunakan SBBM tetapi peluang tersebut terhad.

Selain melalui konteks dalam kelas khususnya ketika sesi pembelajaran, guru pelatih juga perlu sering berhubung dengan pensyarah sama ada untuk mendapatkan maklumat, bimbingan, mengadakan perbincangan atau untuk maksud perkara-perkara lain yang perlu. Dalam pertemuan tersebut, pengkaji ingin tahu apakah gaya bahasa yang digunakan ketika itu. P4 menjawab :

"Biasanya kami menggunakan BM tak rasmilah sebab berlaku di luar kelas. Tak kira siapa-siapa pensyarah."

Berdasarkan kenyataan ini, benarlah jangkaan pengkaji bahawa SBBM hanya digunakan ketika situasi rasmi sahaja. Namun demikian, apabila bertemu dengan Pengetua atau Timbalan Pengetua, keadaan agak berbeza. Mereka akan menggunakan BM dalam bentuk rasmi walaupun tidak menggunakan SBBM.

Seperkara lagi yang menjadi penghalang penggunaan SBBM ialah kurangnya model-model yang boleh dicontohi. P1 merungut, katanya :

"Saya tidak mendapat contoh yang lain selain daripada tiga empat orang pensyarah di sini dan melalui media massa tertentu itupun dalam program tertentu sahaja."

Menyentuh tentang peranan media massa, apa yang dirungutkan oleh peserta kajian berkenaan memang diakui akan kebenarannya. Pihak media massa tidak menggunakan peluang untuk menyebarkan penggunaan SBBM yang tepat dan betul. Setakat ini, hanya dua buah stesen media massa sahaja yang giat menggunakan SBBM walaupun tidak menyeluruh dalam semua rancangan siaran stesen-stesen tersebut.

Oleh sebab SBBM melibatkan aktiviti pertuturan atau lisan, apabila ditanya pula tentang bahan-bahan atau kemudahan-kemudahan yang boleh dijadikan contoh penggunaan SBBM di MPTR, semua peserta kajian menyatakan mereka sukar menemukan bahan-bahan yang boleh digunakan seperti kaset, pita video, apalagi cakera padat. Sekadar yang mereka tahu, yang adapun merupakan bahan-bahan lama malah telah lama tidak digunakan.

Kesimpulannya, berdasarkan keutamaan, penggunaan SBBM hanya berlaku dalam bentuk rasmi sahaja. Dalam situasi tidak rasmi SBBM tidak diucapkan. Hal yang demikian situasi dan tempat yang mengharuskan penggunaan SBBM telah menghadkan penggunaannya. Selain itu, model atau contoh SBBM yang boleh diikuti

atau diteladani juga amat kurang.

- (iv) Apakah sumber-sumber yang boleh dicontohi oleh guru pelatih untuk mempraktikkan penggunaan SBBM?

Apabila membincangkan tentang sumber-sumber SBBM yang boleh menjadi model untuk diteladani oleh pengguna BM, hasil daripada perbualan dengan peserta kajian tidak menunjukkan dapatan yang memberangsangkan kerana perkara ini melibatkan buni sebutan yang betul dan tepat. Semua peserta bersetuju menyatakan bahawa salah satu sumber yang boleh mereka teladani ialah daripada pertuturan pensyarah BM sendiri khususnya dalam kelas ketika mereka sedang menghadapi pemelajaran BM. Pensyarah berkenaan menggunakan SBBM sepanjang pengajarannya yang merupakan situasi rasmi. Beliau juga sentiasa memastikan agar semua guru pelatih menggunakan SBBM dalam kelas. Namun demikian, pada waktu yang dianggap tidak rasmi seperti di luar kelas atau di bilik rehat misalnya, SBBM tidak diamalkan.

Berdasarkan pengalaman di alam persekolahan di peringkat sekolah rendah dan menengah, semua peserta kajian mengakui bahawa mereka telah diperkenalkan kepada SBBM dan juga telah mempraktikkannya ketika itu. Pengalaman tersebut telah mendedahkan mereka kepada penggunaan SBBM dengan bimbingan guru-guru. Berdasarkan pengalaman itulah mereka sudah biasa menggunakan SBBM ketika pemelajaran dalam kelas.

Ketika berbincang tentang peranan media massa dalam penggunaan SBBM, P1 sekali lagi menyatakan :

"Saya dapati ada siaran stesen tv swasta yang boleh dijadikan contoh untuk kita berbahasa baku."

Peserta kajian berkenaan menekankan bahawa dia menganggap sebutan yang digunakan oleh pembaca-pembaca berita stesen televisyen tersebut merupakan SBBM yang patut dicontohi oleh pengguna BM.

Kesimpulan daripada dapatan di atas, menunjukkan bahawa pengguna BM menghadapi kekurangan sumber-sumber yang boleh dijadikan contoh SBBM. Sebaik-baik contoh SBBM yang boleh diteladani ialah pertuturan daripada seseorang yang dapat didengar atau dilihat menyebut dengan betul dan tepat. Malangnya sumber-sumber yang dapat membekalkan situasi berkenaan sangat terhad. Berdasarkan pandangan peserta kajian, buat masa sekarang hanya tenaga pengajar dan media massa tertentu sahaja yang boleh dijadikan panduan SBBM walaupun Kementerian Pendidikan telah menegaskan penggunaannya sejak tahun 1988 lagi di peringkat sekolah (Awang Sariyan, 1995).